

Curi tong gas milik bapa, lelaki dipenjara sebulan

KUCHING: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara sebulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah mencuri sebuah tong gas milik bapanya.

Hukuman itu dijatuhkan oleh Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali terhadap Awang Saufie Jasni, 38, yang didakwa mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara sehingga 10 tahun dan boleh didenda, jika sabit kesalahan.

Syarifah juga memeringtahkan hukuman penjara bagi tertuduh untuk dikuatkuasakan mulai semalam.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 5 petang, 26 Jun lalu di kediaman mereka sekeluarga di Taman Matang Jaya, Jalan Matang di sini.

Fakta kes mendedahkan bapa tertuduh yang berusia 66 tahun membuat laporan polis menyatakan sebuah tong gas di rumahnya telah hilang, mengakibatkan kerugian lebih kurang RM200.

Siasatan polis kemudian membawa kepada penangkapan tertuduh pada 28 Jun 2025.

Hasil siasatan lanjut mendapati terdapat rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di rumah tersebut yang mengesahkan ter-

tuduh mencuri tong gas milik bapanya.

Malah, tertuduh juga didapati telah menjual tong gas berkenaan kepada seorang pemandu lori tong gas, sedangkan bapa tertuduh tidak pernah memberikan kebenaran kepada tertuduh untuk menjualnya.

Selain itu, bapa tertuduh membuat laporan mengenai kehilangan tong gas tersebut kerana tidak tahan dengan perangai tertuduh yang bermasalah serta mempunyai rekod lampau jenayah.

Tertuduh tidak diwakili peguam. Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa ASP Arman Ibrahim.